



TEKS UCAPAN KETUA PENGARAH JAKIM

YBhg. Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee

Sempena

Majlis Apresiasi JAKIM 2025

**26 Jun 2025 | Kompleks MAKSAK Malaysia,
Putrajaya**

Yang Berbahagia Dr. Mohamad Kori bin Jusoh

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)

Yang Berbahagia Kol. Dato' Haji Mohd Ajib bin Ismail

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Yang Berbahagia Dato' Haji Zamani Ahmad Mansor

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)

Pengarah-Pengarah Bahagian

Para Pesara dan Penerima Anugerah yang diraikan, barisan urusetia, seterusnya tuan-puan yang dirahmati Allah.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Malaysia Madani.

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT dengan limpah izin-Nya jua dapat menghimpunkan kita dalam majlis penuh penghargaan ini, dalam majlis yang diberi nama Majlis Apresiasi JAKIM. Sesungguhnya majlis ini amat dekat dihati saya untuk meraikan insan-insan yang banyak berjasa dan berjuang untuk jabatan yang kita cintai ini.

2. Majlis Apresiasi ini menggabungkan dua acara utama: Majlis Sanjungan Budi dan Anugerah Ketua Pengarah. **Seramai 29 pesara JAKIM tahun 2025 serta 183 penerima Anugerah Ketua Pengarah tahun 2024** yang berada dihadapan saya. Bagi saya, majlis ini bukan sekadar sebuah majlis, tetapi simbol penghormatan buat mereka yang telah berbakti dengan penuh keikhlasan dan dedikasi.

3. Apabila menyebut mengenai keikhlasan, saya ingin mengungkapkan satu mafhum daripada Firman Allah dalam Surah At-Taubah ayat 105. Ayat itu menyeru kita agar beramal dengan ikhlas, kerana Allah, Rasul-Nya dan orang beriman akan melihatnya. Justeru, segala usaha Tuan/Puan pasti akan dinilai dan dibalas dengan sebaiknya, Insyallah.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dikasihi

4. Tahun ini, kita meraikan bukan sahaja pesara tetap, tetapi juga warga *Contract of Service (COS)* yang telah mencapai umur persaraan. Langkah ini mencerminkan kesaksamaan dan penghargaan terhadap seluruh warga JAKIM.

5. Persaraan bukan noktah, tetapi permulaan kepada fasa kehidupan yang lebih bermakna. Gunakan ruang ini untuk mendekati keluarga, mendalami ibadah, dan menyambung khidmat kepada masyarakat dalam bentuk baharu. Kami mendoakan kesejahteraan dan kebahagiaan berpanjangan buat semua pesara.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dikasihi

6. Kepada 183 warga JAKIM yang menerima Anugerah Ketua Pengarah. Tahniah! Anda telah membuktikan bahawa kejayaan adalah hasil ketekunan dan nilai kerja yang luhur. Buat pertama kali juga, pengiktirafan ini turut diberi kepada warga MySTEP, bukti bahawa jasa tidak dinilai berdasarkan status jawatan, tetapi sumbangan sebenar.

Teruskan menjadi inspirasi. Jadilah agen perubahan dan pembimbing kepada rakan sejawat.

7. Dalam menempuh dunia pekerjaan yang semakin mencabar, ada 3 cabaran utama yang pada pengamatan saya sedang kita tempuh:

7.1 Persepsi Awam dan Isu Sensitif: JAKIM perlu kekal proaktif dalam menjelaskan dasar dan menangani isu agama secara berhemah dan bijaksana.

7.2 Dakwah Era Digital: Dunia siber mencabar keupayaan kita dalam menyampaikan mesej Islam secara sahih dan berkesan.

7.3 Pembangunan Modal Insan: Keupayaan JAKIM bergantung kepada kompetensi pegawainya — latihan, teknologi, dan nilai integriti perlu menjadi teras pembangunan.

Warga JAKIM yang dikasihi,

8. Tatakelola cemerlang hanya lahir daripada jiwa yang amanah, profesional dan bekerja secara berpasukan. Mari kita tingkatkan kemahiran, pupuk nilai, dan terus menjadi penjawat awam berintegriti demi **“JAKIM untuk Ummah”**.

9. Saya ucapkan jutaan terima kasih kepada BPSM dan semua pihak yang menjayakan majlis ini. Buat pesara, terima kasih atas jasa yang tak ternilai. Buat penerima anugerah, teruskan melakar kejayaan. Semoga Allah memberkati setiap langkah kita dalam memartabatkan Islam di bumi tercinta ini.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah. Wassalamualaikum warahmatullah.